

Seminar Kebangsaan

ASYAIRAH AHLI SUNAH WALJAMAAH 3.0 (SUNNI 2019)



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*



“MELESTARIKAN WARISAN PEMIKIRAN SALAF DALAM MASYARAKAT MALAYSIA”



DR. ABDUL RAHMAN
MAHMOOD (UKM)



PROF. DR. ASMADI
MOHAMED NAIM (UUM)



PROF. MADYA DR. WAN SUHAIME
WAN ABDULLAH (UTM)



DR. MUHAMMAD AYMAN
AL-AKHTI (UIAM)



DR. ENSKU IBRAHIM
ENGKU WOK ZIN (UNISZA)



DR. MOHD KHAFIGZ
SORONI (KUIS)



DR. WAN HASLAN
KHAIRUDDIN (UKM)

21 DISEMBER 2019
8.00 A.M - 5.00 P.M

KOMPLEKS TUN ABDULLAH MOHD SALLEH (KTAMS) 43. 101
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

SEBARANG PERTANYAAN HUBUNGI: 011-55977122 (NASRULLAH)
013-9748179 (NADZIRAH)

UNTUK MAKLUMAT LANJUT LAYARI:
<http://www.ukm.my/sunni/>

ANJURAN BERSAMA :
KURSUS PPPH3533 KAJIAN AHLI SUNAH WALJAMAAH, PUSAT KAJIAN USULUDDIN DAN FALSAPAH, PUSAT ISLAM & KELAB USULUDDIN DAN FALSAPAH



Penghujahan Ahli Sunah Waljamaah dalam Dialog Muslim-Ateis

DR. WAN HASLAN KHAIRUDDIN

**Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Penghujahan Ahli Sunah Waljamaah dalam Dialog Muslim-Ateis

WAN HASLAN KHAIRUDDIN

[wanhaslan@ukm.edu.my]

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan sumbangan ilmuwan penghujahan Ahli Sunah Waljamaah dalam dialog Muslim-Ateis. Isu-isu utama yang menjadi perbincangan artikel ini ialah: [i] wacana al-Quran dan Sunah terhadap ateisme; [ii] wacana kepercayaan agama dan ideologi dalam tradisi Ilmu Kalam; dan [iii] penghujahan Ahli Sunah Waljamaah terhadap ateisme. Penulisan artikel ini adalah berdasarkan kajian analisis kandungan. Sumber primer yang menjadi asas dalam penulisan ini ialah karya-karya ilmuwan Ahli Sunah Waljamaah di dalam Ilmu Kalam atau subwacananya *al-firaq al-Islāmiyyah* iaitu wacana berkaitan kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan *al-milal wa al-nihal* iaitu wacana berkaitan kepercayaan antara penganut agama-agama (*interreligions*). Kesimpulannya, penghujahan Ahli Sunah Waljamaah dalam dialog Muslim-Ateis adalah berasaskan dalil-dalil akliyah yang berpandukan dalil-dalil naqliyah. Dialog Muslim-Ateis bertujuan mensabitkan akidah Islam (*ithbāt al-‘aqā’id al-dīniyyah*) dan menolak sebarang keraguan (*daf‘ al-shubah*).

PENDAHULUAN

- Al-Zubaydī (t.th., 2: 6-7) menegaskan bahawa apabila disebutkan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* maka yang dikehendaki dengannya adalah al-Ashā'irah (i.i. pengikut manhaj Abū al-Ḥassan al-Ash'arī) dan al-Māturīdiyyah (i.i. pengikut manhaj Abū Manṣūr al-Māturīdī)
- Al-Ash'arī menulis khusus *Risālah Istiḥsān al-Khawḍ fī 'Ilm al-Kalām* (1995) mengabsahkan bahawa Ilmu Kalam tidak bertentangan dengan al-Quran dan Sunah.
- Pendekatan atau metodologi Ilmu Kalam menjadi ciri utama dalam dialog, diskusi dan debat para ilmuwan al-Ashā'irah dengan kelompok ahli bidaah sama ada dalam wacana kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion*) atau penganut agama-agama (*interreligions*).
- Ateisme dalam kategori wacana *ahl al-ahwā' wa al-niḥal*.

hakikat sesuatu dan ilmu

حَقَائِقُ الْأَشْيَاءِ ثَابِتَةٌ
وَالْعِلْمُ بِهَا مُتَحَقِّقٌ خِلَافًا لِلْسُّوفِسْطَائِيَّةِ

hakikat segala perkara itu pasti adanya dan pengetahuan akan dia dapat disahkan bersalahan dengan kaum sofis

- ***Al-'Inādiyah*** (degil, keras kepala) iaitu kelompok yang mengingkari hakikat setiap perkara dan mendakwa ianya hanya khayalan yang batil
- ***Al-'Indiyah*** (subjektif) iaitu kelompok yang mengingkari sabit (tetap) hakikat setiap perkara dan mendakwa ianya menurut kepercayaan
- ***Al-Lā adriyah*** kelompok yang mengingkari sabit atau tidak hakikat sesuatu dan mendakwa dia syak (ragu, was-was) bahawa dia syak dan ia berterusan

(Al-Taftāzānī 1987: 14)

AGAMA ATAU IDEOLOGI	المحسوس sensible	المعقول reasonable	الحدود والأحكام	الشريعة	محمد صلی الله علیه وسلم
Sofis	×	×			
Al-Tabī'iyah	✓	×			
Al-Faylasūf al-Dahriyah	✓	✓	×		
Al-Ṣā'biah	✓	✓	✓	×	
Yahudi & Kristian	✓	✓	✓	✓	×
Muslim	✓	✓	✓	✓	✓

(Al-Sharastānī t.th., 2: 288-289)

#munasabah atau masuk akal (*reasonable*)

#ditanggap atau dicerap deria, pancaindera (*sensible*)

وجود الله سبحانه وتعالى الخالق / الصانع

المنكرون

- Penganut **agnostisme** bersikap skeptik, agnostik dan ragu dengan kewujudan Tuhan.
- Penganut **ateisme** mengakui ketidakwujudan Tuhan.
- Agnostisme dan ateisme diistilahkan dalam bahasa Arab dengan **tabī'iyah, dahriyyah, zindik** (i.i. orang yang imannya telah terpesong, orang yang sesat, tidak percaya akan agama Allah yang sebenarnya), **lā dīniyyah** dan **mulhid**.

المؤمنون

المشركون

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Hajj* 22: 17:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئِينَ وَالْمَجُوسَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ.

Bermaksud: Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Şabi'în, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi, serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.

الموحدون

فالباري تعالى واحد في ذاته لا قسم له، وواحد في صفاته لا شبيه له، وواحد في أفعاله لا شريك له

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمد رسول الله

“Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad pesuruh Allah SWT”

Al-Shahādātayn intipati wacana Ilmu Kalam

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمد رسول الله

“Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad pesuruh Allah SWT”

(i) <i>al-Ilahiyyāt</i> atau perkara-perkara ketuhanan. 41 perkara daripada sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT.	(ii) <i>al-Nubuwwāt</i> atau perkara-perkara kenabian. 9 perkara daripada sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi rasul.	(iii) <i>al-Sam‘iyyāt</i> atau perkara-perkara ghaib. Perkara-perkara yang dibawa Rasulullah SAW khususnya perincian daripada 6 rukun Iman.
--	--	--

*Fokus lebih umum daripada *al-Ilahiyyāt*, *al-Nubuwwāt* dan *al-Sam‘iyyāt* dalam Ilmu Kalam ialah penjelasan Khalik-makhluk dan pemahaman Tauhid-syirik.

- Ilmu Akidah: [1] mensabitkan kewujudan Khalik, mengesakan dhāt, şifāt dan af‘āl-Nya, penjelasan Tauhid-syirik dan penghuraian Khalik-makhluk; [2] penghujahan Muhammad pesuruh Allah SWT dan sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi-Nya; dan [3] perkara-perkara yang dibawa & dibenarkan oleh Rasulullah SAW.
- Metode pengajian akidah al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah menjelaskan tanggapan akal (i.i. hukum akal) dan membezakan Khalik-makhluk dengan huraian *Wājib al-Wujūd* dan *mumkin al-wujūd* (jawhar, jisim, ‘araḍ).

Dalil-dalil kewujudan Allah SWT

أدلة وجود الله سبحانه وتعالى (حدوث العالم، اثبات الصانع)

Pendalilan berasaskan jenis-jenis kewujudan

- Bumi, langit, manusia, haiwan, tumbuhan, gunung, lautan, angin, hujan, matahari, bulan, bintang, malam dan siang adalah MAKHLUK yang menjelaskan adanya KHALIK.
- Perbezaan penciptaan MAKHLUK besar, kecil dll. menunjukkan keagungan KHALIK.

PERSOALAN

- Apa dalil MAKHLUK adalah baharu? [Dalil: 1) perubahan; 2) tiada-ada]
- Apa dalil MAKHLUK berhajat kepada KHALIK? [Dalil: 1) mustahil cipta sendiri; 2) wujud perkara tidak mampu dicipta manusia; 3) tiada-ada]
- Apa dalil KHALIK ialah ALLAH SWT? [Dalil: 1) kelainan dan ketidakupayaan MAKHLUK menunjukkan KHALIK bersifat MAHA LAIN]

Pendalilan berasaskan khabar para nabi

- Para nabi mengajak kepada Allah SWT, zahir mukjizat dan wujud kaum yang ditimpa azab kerana mendustakan utusan Allah SWT.

Pendalilan berasaskan fitrah yang sejahtera

- Secara intuitif manusia merasakan wujud sifat pengabdian (al-Ubudiyyah) dan merasakan dirinya berada di bawah kekuasaan (al-Rububiyyah) menjelaskan alam ini ditadbir Tuhan Yang Maha Bijaksana.

استحالة حوادث لا أول له واستحالة وجود أجسام لا تنتهي مكانا

أهل السنة والجماعة

Identiti Ahli Sunah Waljamaah

Ahli Sunah Waljamaah memiliki syiar yang mana mereka mewajibkan doa terhadap umat terdahulu di kalangan umat Islam sebagaimana perintah Allah SWT, *al-Hashr* 53: 10:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.

Bermaksud: Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu.



TERIMA KASIH

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Telefon: +603-8921 5522/5520
Faksimili: +603-8921 3018 E-mel: juf@ukm.edu.my
Website: www.ukm.my/fpi | FB: [/juffpiukm](https://www.facebook.com/juffpiukm)